

**MEMO**  
**BAHAGIAN AKADEMIK**

**PENGUMUMAN MUET MAC 2017**

**TARIKH PENDAFTARAN DIBUKA** : **1 NOVEMBER 2016 (SELASA)**  
**TARIKH PENDAFTARAN DITUTUP** : **5 JANUARI 2017 (KHAMIS)**

**Calon hendaklah:**

- 1) Membuat pembayaran seperti berikut di KAUNTER HASIL,Tingkat 2, Bahagian Kewangan, Bangunan Pentadbiran;

Yuran pendaftaran	RM 40.00
Yuran mata pelajaran	RM 60.00
<b>Jumlah</b>	<b>RM 100.00</b>

- 2) Membawa **salinan fotostat Kad Pengenalan** dan **resit pembayaran** ke Bahagian Akademik.

Urusan pendaftaran hendaklah dibuat di Bahagian Akademik  
(u.p: Puan Fariza bt. Sarkawi, 086-855209)

Sekian, harap maklum.



## 1 TARIKH PENTING PENDAFTARAN CALON MUET SESI MAC 2017

Bil.	Tarikh Akhir		Perkara
	Sekolah/Institusi (Calon Jenis 1, 2, 4, 5, 6, dan 7)	Persendirian Individu (Calon Jenis 3)	
1.	24 Oktober – 28 Oktober 2016* ( Isnin – Jumaat)	-	Taklimat oleh Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri (SPP JPN)/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) ke sekolah/institusi tentang pendaftaran calon sekolah/institusi secara <i>online</i> melalui portal MPM <a href="http://www.mpm.edu.my">http://www.mpm.edu.my</a> atau <a href="http://online.mpm.edu.my">http://online.mpm.edu.my</a> .
2.	1 November 2016 (Selasa)	1 November 2016 (Selasa)	Pendaftaran calon sekolah/institusi dan calon persendirian individu bagi MUET sesi Mac 2017 secara <i>online</i> melalui portal MPM <a href="http://www.mpm.edu.my">http://www.mpm.edu.my</a> atau <a href="http://online.mpm.edu.my">http://online.mpm.edu.my</a> <b>DIBUKA</b> .
3.	5 Januari 2017 (Khamis)	9 Januari 2017 (Isnin)	Pendaftaran calon sekolah/institusi dan calon persendirian individu bagi MUET sesi Mac 2017 secara <i>online</i> <b>DITUTUP</b> .
4.	11 Januari 2017 (Rabu)	11 Januari 2017 (Rabu)	Pengesahan data pendaftaran calon dan penghantaran Senarai Pusat Ujian [MUET/C3 (Edisi JPN)] oleh SPP JPN dengan memastikan perkara yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Tiada pusat dan calon yang tercicir</li> <li>(b) Mengenal pasti sekolah/institusi yang belum menjelaskan yuran pendaftaran untuk dimaklumkan kepada SUB(PSM) MPM</li> <li>(c) Mengenal pasti pusat yang ingin melanjutkan tempoh pendaftaran dan memaklumkannya kepada SUB(PSM) MPM</li> <li>(d) Maklumat Calon Istimewa dari segi Penglihatan (Buta) telah dihantar kepada SUB(PSM) MPM (jika ada).</li> <li>(e) Maklumat Calon Istimewa dari segi Penglihatan (Rabun), Anggota (Spastik), Pertuturan (Sengau), dan Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) telah dihantar kepada SUB(PSM) MPM (jika ada).</li> </ul>
5.	11 Januari 2017 (Rabu)	-	Penghantaran borang Maklumat Calon Istimewa dari segi Penglihatan (Buta) (MUET/C5) dan borang Maklumat Calon Istimewa dari Segi Penglihatan (Rabun), Anggota (Spastik), Pertuturan (Sengau), dan Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) [MUET/C6(Pindaan 2015)] oleh sekolah/institusi ke SPP JPN.
6.	12 Januari 2017 (Khamis)	12 Januari 2017 (Khamis)	Pengesahan MUET/C3 (Edisi MPM) dan MUET/JPP (Edisi MPM) oleh SPP JPN
7.	27 Januari 2017 (Jumaat)	27 Januari 2017 (Jumaat)	Penghantaran borang Maklumat Calon Istimewa dari segi Penglihatan (Buta) (MUET/C5) dan borang Maklumat Calon Istimewa dari segi Penglihatan (Rabun), Anggota (Spastik), Pertuturan (Sengau), dan Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) [MUET/C6(Pindaan 2015)] oleh SPP JPN kepada SUB(PSM) MPM.
8.	13 Januari 2017 (Jumaat)	13 Januari 2017 (Jumaat)	MUET/D calon dimuat naik ke portal MPM <a href="http://www.mpm.edu.my">http://www.mpm.edu.my</a> untuk disemak dan dicetak oleh calon. Calon dikehendaki membawa MUET/D ke pusat ujian sebagai tiket untuk menduduki ujian.
9.			

Bil.	Tarikh Akhir		Perkara
	Sekolah/Institusi (Calon Jenis 1, 2, 4, 5, 6, dan 7)	Persendirian Individu (Calon Jenis 3)	
10.	27 Januari 2017 (Jumaat)	27 Januari 2017 (Jumaat)	Penghantaran salinan MUET/D yang telah dibuat catatan pembetulan oleh Pengetua/calon kepada SUB(PSM) MPM/SPP JPN (calon menggunakan MUET/D yang asal – catatan pembetulan akan dibuat pada Sijil MUET kelak).
11.	27 Januari 2017 (Jumaat)	27 Januari 2017 (Jumaat)	Permohonan perpindahan pusat ujian <b>DITUTUP</b> .
12.	3 Februari 2017 (Jumaat)	3 Februari 2017 (Jumaat)	SPP JPN menghantar borang Perpindahan Pusat Ujian (MUET/C2) kepada SUB(PSM) MPM dengan memastikan perkara yang berikut: (a) Semua borang MUET/C2 telah disemak (b) Semua bayaran perpindahan pusat ujian telah diterima
13.	13, 14, 15, 16, 20, dan 21 Februari 2017 ( Isnin – Selasa)	13, 14, 15, 16, 20, dan 21 Februari 2017 ( Isnin – Selasa)	Ujian Speaking MUET sesi Mac 2017
14.	8 Mac 2017 (Rabu)	8 Mac 2017 (Rabu)	Penghantaran Senarai Pegawai Pengawasan (MUET/C8) kepada SUB(PSM) MPM
15.	11 Mac 2017 (Sabtu)	11 Mac 2017 (Sabtu)	Ujian Bertulis MUET sesi Mac 2017
16.	5 Mei 2017** (Jumaat)	5 Mei 2017** (Jumaat)	Pengumuman keputusan MUET sesi Mac 2017.

\* Tempoh adalah tertakluk kepada keputusan SPP JPN.

\*\*Tertakluk kepada pindaan dan keputusan Ketua Eksekutif MPM.

## 2 SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI MUET

Tiada sebarang syarat yang dikenakan untuk menduduki MUET.

## 3 TEMPOH SAH LAKU SIJIL MUET

Bagi keputusan MUET yang dikeluarkan sebelum tahun 2009, tempoh sah lakunya adalah sehingga **18 Julai 2013**, manakala bagi keputusan MUET yang dikeluarkan mulai tahun 2009, tempoh sah laku sijilnya ialah **lima tahun**, iaitu mulai dari tarikh keputusan ujian dikeluarkan.

## 4 KERTAS YANG DITAWARKAN

Kertas yang ditawarkan dalam ujian MUET meliputi empat komponen seperti yang berikut:

Kod Kertas	Nama Kertas
800/1	Listening (30 minit)
800/2	Speaking (30 minit)
800/3	Reading (90 minit)
800/4	Writing (90 minit)

Nota: Untuk maklumat lanjut sila rujuk Sukatan Pelajaran MUET (*Regulations, Test Specifications, Test Format, and Sample Questions*) yang dapat diperoleh melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.

## 5 YURAN UJIAN MUET

- (a) Bayaran untuk menduduki ujian MUET adalah seperti yang berikut:

Yuran pendaftaran	:	RM 40.00
Yuran mata pelajaran	:	RM 60.00
Jumlah		<b><u>RM100.00</u></b>

Bayaran perlu dibuat dengan cara membeli nombor PIN MEC daripada Bank Simpanan Nasional (BSN) atau perbankan internet. Maklumat lanjut sila layari <http://online.mpm.edu.my>.

Nota: **BSN akan mengenakan caj sebanyak RM1.06 bagi setiap pembelian nombor PIN MEC.**

- (b) Pembelian nombor PIN MEC oleh pihak sekolah/institusi di BSN boleh dibuat di kaunter BSN secara tunai atau menggunakan cek. Ianya juga boleh dibeli melalui kiosk BSN atau secara perbankan internet.
- (c) Pihak sekolah/Institusi dinasihat supaya berunding dengan pihak cawangan BSN terlebih dahulu jika hendak membuat pembelian nombor PIN MEC secara pukal menggunakan cek. Pembelian menggunakan cek adalah tertakluk kepada kelulusan cawangan BSN tersebut.
- (d) Bayaran yang telah dibuat akan terpapar pada **Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP)** untuk rujukan calon selepas selesai pendaftaran secara *online*.
- (e) Bayaran pembelian PIN MEC yang telah dibuat **tidak akan dikembalikan** sekiranya calon gagal mendaftar pada tarikh yang telah ditetapkan. PIN MEC yang telah dibeli itu juga **tidak boleh** digunakan untuk mendaftar ujian MUET sesi yang berikutnya.

## 6 CARA PENDAFTARAN UNTUK MENDUDUKI MUET

### 6.1 Calon Sekolah/Institusi

- (a) Pendaftaran calon sekolah/institusi dilakukan secara *online* melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau <http://online.mpm.edu.my>.
- (b) SPP JPN hendaklah terlebih dahulu mengemaskinikan maklumat sekolah/institusi yang akan menjadi pusat ujian sebelum pendaftaran dibuka.
- (c) Pengetua sekolah/institusi hendaklah memaklumkan nama Setiausaha Peperiksaan (SUP) sekolah/institusinya kepada SPP JPN dan PPD.
- (d) Taklimat tentang kaedah pendaftaran secara *online* di peringkat daerah kepada semua SUP sekolah/institusi hendaklah diberikan oleh pegawai PPD.
- (e) Pihak sekolah/institusi juga boleh mendapatkan maklumat tentang pendaftaran calon MUET untuk sekolah/institusi melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.
- (f) Pihak sekolah/institusi perlu mendapatkan Nama Pengguna dan Kata Laluan daripada SPP JPN untuk masuk ke dalam sistem pendaftaran *online* ini. SUP sekolah/institusi dinasihatkan agar memuat turun/mencetak **Manual Sekolah** dalam <http://online.mpm.edu.my> yang terpapar pada ikon sekolah untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran *online* tersebut.
- (g) Pengetua sekolah/institusi hendaklah mengarahkan SUP untuk menguruskan pendaftaran sekolah/institusinya dengan mengambil tindakan yang berikut:
  - (i) Mengemaskinikan maklumat sekolah yang terdapat dalam sistem pendaftaran *online*
  - (ii) Mengisi data maklumat pendaftaran calon bagi sekolah/institusinya yang ingin menduduki MUET

- (iii) Mengenalpasti calon istimewa dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekkak), **pertuturan** (sengau), dan selain daripada yang dinyatakan, dan mendaftarkannya bersama-sama dengan calon lain tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah calon istimewa dan kemudahan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 7**.
- (iv) Memastikan nombor PIN MEC disediakan dengan secukupnya oleh calon sekolah/institusi yang ingin menduduki MUET
- (v) Menyemak maklumat awal pendaftaran calon melalui Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP) seperti ejaan nama, nombor Kad Pengenalan dan maklumat lain yang tercatat pada MUET/PP adalah betul, dan mengemaskinkannya jika terdapat pindaan oleh calon sebelum menghantar data tersebut ke SPP JPN. MUET/PP ini boleh digunakan sebagai bukti pendaftaran telah dibuat bagi menuntut Slip Daftar MUET (MUET/D) calon (jika maklumat calon tiada dalam semakan MUET/D). **Tiada MUET/PP bermaksud pendaftaran calon tersebut tidak berjaya/tidak lengkap.**
- (vi) Memastikan data maklumat pendaftaran calon adalah betul sebelum membuat pengesahan secara *online*
- (vii) Menyemak MUET/D bagi calon sekolah/institusinya dan **menyediakan buku log** bagi merekodkan penyemakan MUET/D oleh calon
- (viii) Memaklumkan maklumat calon sekolah/institusinya yang **cicir** kepada SPP JPN atau MPM jika terdapat calon yang telah didaftarkan tiada dalam semakan MUET/D dengan kadar **SEGERA**
- (ix) Mematuhi tarikh akhir pengesahan data maklumat pendaftaran/bahan/dokumen pendaftaran seperti yang telah ditetapkan oleh SPP JPN

## 6.2 Calon Persendirian Individu

- (a) Pendaftaran calon persendirian individu juga dibuat secara *online* melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau <http://online.mpm.edu.my>.
- (b) Calon persendirian individu dikehendaki mendapatkan maklumat tentang pendaftaran MUET melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> dan merujuk kepada **Manual Calon Persendirian Individu** yang terpapar pada ikon calon persendirian individu dalam <http://online.mpm.edu.my> dan juga **Arahan dan Panduan Pendaftaran Calon 2017** untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran *online* tersebut.
- (c) Bagi calon yang baru pertama kali mendaftar ujian MUET, calon perlu mendaftar sebagai Pengguna MESP terlebih dahulu. Sila klik ikon Daftar Pengguna pada portal MPM dan isikan maklumat ringkas yang diperlukan berserta Kata Laluan. **Calon yang berjaya mendaftar Pengguna MESP tidak bermakna telah berjaya mendaftar MUET.** Calon perlu log masuk sistem pendaftaran kembali menggunakan Kata Laluan yang telah ditetapkan tersebut dan meneruskan pendaftaran.
- (d) Bagi calon yang pernah mendaftar MUET sebelum ini, sila log masuk menggunakan Pengguna ID dan Kata Laluan yang telah ditetapkan semasa pendaftaran yang lalu. Sekiranya calon lupa Kata Laluan tersebut, sila klik pada butang Lupa Kata Laluan atau boleh menghubungi MPM.
- (e) Calon boleh memilih pusat ujian yang dikehendaki semasa membuat pendaftaran secara *online* tetapi **ketetapan pusat ujian adalah tertakluk kepada SPP JPN.** SPP JPN berhak untuk memindahkan calon persendirian individu ke pusat lain selain daripada yang telah dipilih.
- (f) Calon istimewa dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekkak), **pertuturan** (sengau), dan selain daripada yang dinyatakan juga perlu mendaftar secara *online*, tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah calon istimewa dan keistimewaan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 7**.

## 7 CALON ISTIMEWA

- (a) Calon istimewa dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekkak), **pertuturan** (sengau), dan selain daripada yang dinyatakan hendaklah dimaklumkan kepada SPP JPN **selewat-lewatnya pada 11 Januari 2017**.
- (b) Maklumat tentang ketidakupayaan dan kemudahan yang dipohon hendaklah dimaklumkan dengan jelas dan lengkap dalam borang **MUET/C5** atau **MUET/C6 (Pindaan 2015)** (mana-mana yang berkenaan) mengikut jenis ketidakupayaan yang dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau <http://online.mpm.edu.my>. Sila sertakan salinan dokumen sebagai bukti ketidakupayaan yang dialami seperti laporan perubatan, Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pengesahan Pengetua (jika calon sekolah/institusi). **Kemudahan yang boleh diberikan kepada calon istimewa hanya akan dipertimbangkan jika borang MUET/C5 atau MUET/C6 (Pindaan 2015) (mana-mana yang berkenaan) diterima oleh MPM.**
- (c) SPP JPN hendaklah mengumpulkan borang MUET/C5 atau MUET/C6 (Pindaan 2015) yang diterima dan menghantar borang tersebut kepada MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**).

## 8 TARIKH PENDAFTARAN, TARIKH UJIAN, DAN TARIKH TUTUP PERPINDAHAN PUSAT UJIAN MUET

PERKARA	MUET SESI MAC 2017
Tarikh Pendaftaran Dibuka	1 November 2016
Tarikh Pendaftaran Ditutup	5 Januari 2017
Tarikh Tutup Perpindahan Pusat Ujian	27 Januari 2017
Tarikh Ujian Speaking MUET	13, 14, 15, 16, 20, dan 21 Februari 2017
Tarikh Ujian Bertulis	11 Mac 2017

## 9 PUSAT UJIAN MUET

### 9.1 Nombor Pusat Ujian

Nombor pusat ujian hendaklah ditentukan oleh SPP JPN sebelum pendaftaran dibuka.

### 9.2 Bilangan Calon

Bilangan calon di sesuatu pusat ujian **tidak** boleh lebih daripada **216 orang**.

### 9.3 Penetapan Pusat Ujian

- (a) Penempatan calon persendirian individu di sesebuah pusat ujian adalah tertakluk kepada kelulusan SPP JPN. SPP JPN berhak untuk memindahkan calon persendirian individu ke pusat lain selain daripada yang telah dipilih.
- (b) SPP JPN juga boleh menumpangkan calon sekolah/institusi di pusat lain jika didapati bilangan calon di sekolah/institusi tersebut tidak ekonomik dari segi pengendalian ujian. Namun demikian, pertimbangan ini perlu mengambil kira beberapa faktor seperti kedudukan geografi/lokasi dan latar belakang calon di sekolah/institusi tersebut. Perbincangan/perundingan dengan Pengetua sekolah/institusi yang berkennaan perlu dibuat sebelum tindakan ini diambil.

### 9.4 Senarai Pusat Ujian MUET (MUET/C3)

- (a) Senarai Pusat Ujian (MUET/C3) merupakan dokumen penting yang mengandungi kod pusat, nama sekolah/institusi, jenis calon, dan bilangan calon yang didaftarkan di sesebuah negeri.

- (e) Permohonan pindaan maklumat yang dibuat **selepas dua minggu MUET/D dimuatnaik** akan dikenakan caj **RM25.00**. Pindaan maklumat ini akan dilakukan pada Sijil MUET kelak. Sekiranya permohonan pindaan ini dibuat **selepas keputusan MUET diumumkan/Sijil MUET dicetak**, calon perlu mengemukakan **Borang Permohonan Salinan Sijil MUET/STPM [MPM/S2 (Pindaan 2015)]** berserta bayaran **RM40.00** ke MPM serta melengkapkan borang MUET/C9 (tanpa bayaran).
- (f) Calon boleh menyemak status MUET/D melalui Sistem Mesej Singkat (SMS) dengan menaip **MUET <jarak>INFO<jarak>No. Kad Pengenalan dan hantar ke 15888**.

## 13 SENARAI PENGAWASAN PUSAT UJIAN MUET

- (a) SPP JPN hendaklah melantik Penyelia Kawasan, Ketua Pengawas, dan Pengawas selepas MUET/C3 edisi MPM disahkan. Format borang Senarai Pegawai-Pegawai Pengawasan (MUET/C8) dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.
- (b) MUET/C8 yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar ke MPM **selewat-lewatnya seminggu sebelum ujian MUET bertulis bermula**. Maklumat boleh dihantar secara emel ke MPM.

## 14 PERPINDAHAN PUSAT UJIAN MUET

### 14.1 Penyerahan oleh calon ke SPP JPN

Permohonan untuk berpindah dari satu pusat ujian ke satu pusat ujian yang lain hendaklah menggunakan borang MUET/C2. Perpindahan pusat ujian hanya akan dibenarkan jika alasan-alasan yang dikemukakan adalah munasabah. Bayaran sebanyak **RM25.00** akan dikenakan dan perlu dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama penerima **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**. Permohonan hendaklah dikemukakan oleh calon bersama bayarannya kepada Ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan sebelum atau pada **27 Januari 2017**.

### 14.2 Penghantaran oleh SPP JPN ke MPM

Semua permohonan perpindahan pusat ujian dan bayarannya hendaklah disemak dan dihantar kepada Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET, MPM **selewat-lewatnya pada 3 Februari 2017**. Bayaran permohonan bagi calon yang **tidak** diluluskan perpindahan pusat ujiannya akan dikembalikan.

## 15 PERMOHONAN MENUMPANG PUSAT UJIAN MUET

- (a) Calon yang ditolak permohonannya untuk berpindah pusat ujian kerana permohonannya lewat mungkin dibenarkan menumpang pusat ujian.
- (b) Calon yang menumpang untuk mengambil ujian di sesuatu pusat ujian atas sebab-sebab peribadi mestilah mendapat kelulusan MPM terlebih dahulu. Calon hendaklah membuat permohonan kepada Ketua Eksekutif, MPM melalui borang MUET/C2 dan hendaklah menyertakan bayaran sebanyak **RM25.00** yang dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama penerima **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**. Permohonan calon hanya akan dipertimbangkan jika kertas soalan di pusat berkenaan mencukupi.

## 16 PENARIKAN DIRI DAN PENANGGUHAN MENDUDUKI UJIAN MUET

- (a) Calon yang menarik diri daripada menduduki MUET dikehendaki mengisi borang **Calon Menarik Diri (MUET/C4)** yang dapat diperoleh dan dicetak dari portal MPM <http://www.mpm.edu.my>. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke MPM bersama dengan surat bukti **sebelum** calon menduduki kertas ujian MUET yang pertama.
- (b) Calon yang menarik diri daripada menduduki ujian **tidak akan dikembalikan** yuran ujian **kecuali** calon yang **sakit berpanjangan** (surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan hendaklah dikemukakan) atau calon yang **meninggal dunia** (salinan surat Perakuan Kematian hendaklah dikemukakan oleh warisnya) atau calon yang diluluskan permohonannya untuk memasuki **Universiti Awam** (salinan surat kelulusan hendaklah dikemukakan oleh calon).

- (b) SPP JPN perlu menyemak dan meneliti MUET/C3 sebelum membuat pengesahan bagi mengelakkan tiada pusat dan calon yang tercicir. Keciciran pusat dan calon akan menimbulkan kesulitan dari segi pengendalian ujian terutamanya dari aspek bekalan kertas soalan.

## 10 ANGKA GILIRAN CALON

Angka giliran calon bagi semua calon akan ditetapkan oleh MPM. Angka giliran calon akan diberitahu melalui Slip Daftar MUET (MUET/D).

## 11 PENYATA PENDAFTARAN MUET (MUET/PP)

- (a) Butiran pendaftaran awal calon boleh disemak melalui Penyata Pendaftaran calon (MUET/PP). Pihak sekolah/institusi dan calon persendirian individu hendaklah **mencetak/menyimpan dalam format pdf MUET/PP** sebagai bukti pendaftaran telah berjaya. **Pendaftaran MUET masih belum lengkap/tidak berjaya sekiranya MUET/PP gagal dicetak/disimpan.**
- (b) SUP sekolah/institusi dan calon persendirian individu hendaklah menyemak MUET/PP bagi memastikan semua maklumat yang tercetak adalah betul.
- (c) Bagi calon sekolah/institusi, jika terdapat sebarang pindaan pada nombor Kad Pengenalan atau ejaan nama, sila kemukakan pindaan tersebut kepada SUP sekolah/institusi untuk dikemaskinikan secara *online*.
- (d) Calon persendirian individu boleh membetulkan maklumat yang silap dengan mengemaskinikan butiran pendaftaran diri secara *online* tetapi pengemaskinian tersebut hanya dihadkan sebanyak **dua kali** sahaja sepanjang tempoh pendaftaran dibuka.
- (e) Pengemaskinian maklumat pendaftaran secara *online* hanya boleh dilakukan sepanjang tempoh pendaftaran dibuka sahaja. Selepas tarikh tutup pendaftaran, SUP sekolah/institusi dan calon persendirian perlu memohon pindaan maklumat secara manual dengan mengemukakan **Borang Pindaan Maklumat Calon (MUET/C9)** ke MPM dengan menyertakan bersama salinan kad pengenalan dan MUET/PP yang silap tersebut **tanpa dikenakan bayaran**. Pindaan maklumat ini akan dilakukan pada MUET/D kelak.

## 12 SLIP DAFTAR MUET (MUET/D)

- (a) Pengesahan butiran pendaftaran calon untuk menduduki MUET akan diberitahu kepada calon dalam Slip Daftar MUET (MUET/D) melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> **mulai 13 Januari 2017**. Jika maklumat calon **tiada** dalam senarai MUET/D, sila hubungi terus MPM dengan kadar **SEGERA**. Bagi calon sekolah/institusi, sila hubungi MPM melalui Pengetua sekolah/institusi masing-masing.
- (b) Calon sekolah/institusi perlu menyemak MUET/D masing-masing. SUP sekolah/institusi hendaklah menyediakan buku log bagi memastikan semua calon telah menyemak MUET/D masing-masing dengan merekodkan dalam buku log tersebut.
- (c) Calon hendaklah menyemak butiran yang tercatat pada MUET/D seperti nombor Kad Pengenalan, ejaan nama, angka giliran, pusat menduduki ujian, tarikh, dan waktu ujian. Jika terdapat kesilapan, calon dikehendaki mengisi **Borang Pindaan Maklumat Calon (MUET/C9)** dan menghantarnya kepada MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) melalui Pengetua sekolah/institusi masing-masing dengan **kadar segera**. Pembetulan maklumat juga hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengawas di pusat ujian untuk dicatatkan dalam Buku Rekod Pengawasan. Pembetulan hanya akan dibuat pada Sijil MUET yang akan dikeluarkan kelak. **MUET/D yang sedia ada ini adalah sah digunakan untuk menduduki ujian MUET.**
- (d) Calon hendaklah menggunakan nombor Kad Pengenalan yang sama semasa ujian kelak. Sebarang kesilapan akan menimbulkan salah faham dengan Pengawas ujian kelak dan akan menyusahkan calon sendiri.

- (c) Pada dasarnya, calon yang memohon untuk menangguh daripada menduduki ujian adalah **tidak** akan dilayan, namun SPP JPN atau pihak sekolah/institusi boleh menasihati calon untuk mengemukakan rayuan kepada MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) untuk tindakan selanjutnya.

## 17 DATA MAKLUMAT PENDAFTARAN CALON

- (a) SPP JPN hendaklah mengenal pasti dan memantau sekolah/institusi atau daerah/bahagian yang mempunyai calon MUET bagi memastikan calon sekolah/institusi atau daerah/bahagian tersebut mendaftar untuk mengambil ujian MUET **sebelum tarikh tutup pendaftaran**.
- (b) SPP JPN juga digalakkan untuk memberitahu Pengetua sekolah/institusi supaya **mengisi data maklumat pendaftaran calon dan menghantar dokumen yang berkaitan lebih awal** bagi mengelakkan sebarang kelewatan yang boleh menimbulkan masalah.

## 18 CALON LEWAT

Calon yang ingin mendaftar untuk menduduki ujian MUET selepas tarikh tutup pendaftaran hendaklah diarahkan menghantar permohonan terus kepada **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia** untuk dipertimbangkan.

## 19 KEPUTUSAN UJIAN MUET

Keputusan ujian MUET bagi calon sekolah/institusi akan dihantar kepada Pengetua sekolah/institusi berkenaan melalui SPP JPN, manakala bagi calon persendirian individu, keputusan akan dihantar kepada calon melalui pos.

Calon juga boleh menyemak keputusan ujian melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau melalui SMS dengan menaip **MUET<jarak>RESULT<jarak>No. Kad Pengenalan dan hantar ke 15888**.

## 20 RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN UJIAN MUET

Calon yang kurang berpuas hati dengan keputusan ujian MUET boleh membuat rayuan penyemakan semula keputusan ujian. Caj bagi rayuan penyemakan semula ini ialah **RM70.00**. Tarikh tutup rayuan penyemakan semula ini ialah **seminggu** selepas tarikh keputusan ujian MUET diumumkan. Sila rujuk portal MPM [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my) untuk maklumat yang lebih lanjut.